

Hasrat Mahathir: Kubang Pasu jadi kawasan contoh

UM 17 MAY 1982

JITRA, 16 Mei - Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berhasrat untuk menjadikan kawasannya sebagai "kawasan contoh" dari segala segi khususnya pembangunan, kebersihan dan kecantikan.

"Saya ingin jadi seorang wakil rakyat yang boleh bangga dengan kawasannya".

"Saya mahu Kubang Pasu satu hari kelak dikenali oleh semua orang termasuk orang-orang asing sebagai kawasan yang istimewa dan ingin diikuti oleh semua orang", katanya.

Bercakap kepada para penduduk kawasan Kubang Pasu di majlis kesyukuran atas kemenangannya dalam pilihanraya lalu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sambil berseloroh:

"Saya faham benar apa yang penduduk Kubang Pasu kehendaki dan bolehlah saya beri pertimbangan yang agak lebih sedikit.

"Saya sedar bahawa kalau tidak ada Kubang Pasu, saya tak boleh jadi wakil rakyat, dan jika tak jadi wakil rakyat tidaklah boleh jadi Perdana Menteri".

Orang ramai ketawa besar mendengar kata-kata beliau yang sering terkenangkan masa-masa lalu bila berdepan dengan penduduk-penduduk Kedah teru-

tama sekali mereka yang tinggal di Kubang Pasu.

"Saya ingin Kubang Pasu benar-benar menarik perhatian semua pihak dan pembangunan rakyat yang berlaku di sini hendaklah menjadi ikutan rakyat di tempat lain".

"Kubang Pasu mesti jadi kawasan yang cantik, bersih serta teratur, dan semua ini hendaklah dilakukan oleh penduduknya sendiri dan bukan semata-mata dengan menggajikan orang lain untuk melakukannya" tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, hasratnya untuk menjadikan Kubang Pasu sebagai "kawasan contoh" bergantung kepada minat penduduk-penduduk di situ, dan jika mereka berminat hasrat tersebut tentu boleh dicapai.

Menurutnya, kerajaan akan melaksanakan rancangan pembangunan secara besar-besaran di Tanjung Pauh dan Changlon, keduanya dalam kawasan Kubang Pasu untuk faedah rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga meminta maaf kepada penduduk-penduduk Kubang Pasu kerana tidak dapat pulang selalu ke kawasannya kerana tugas-tugas rasmi yang diamanahkan kepada beliau oleh rakyat.